

**Subjek sejarah: Laporan diserahkan hujung tahun, kata Muhyiddin
The Malaysian Insider
12 September , 2011**

KUALA LUMPUR, 12 Sept — Jawatankuasa Mengkaji Kurikulum Sejarah diberi tempoh sehingga hujung tahun ini untuk menyerahkan laporan mereka supaya proses pengolahan dan komen daripada pihak-pihak berkepentingan dan masyarakat dapat dipercepatkan, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, langkah itu penting kerana subjek itu akan menjadi wajib lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai 2013.

Muhyiddin (gambar) yang juga Menteri Pelajaran berkata, beberapa lapis proses juga terpaksa dilakukan seperti mengolah, memperjelas dan mendapatkan cadangan dan komen masyarakat.

Kata Muhyiddin, sebelum isu kenyataan PAS mengenai tragedi Bukit Kepong bulan lalu, beliau telah pun mengarahkan buku teks subjek Sejarah dirombak, dan telah mengarahkan jawatankuasa itu ditubuhkan segera ketika itu.

Isu itu menjadi bahan kontroversi sejak tiga minggu lalu termasuk hujah terbaru bahawa negara ini tidak pernah dijajah oleh British.

Beliau yang juga Timbalan Presiden Umno berkata, adalah penting tiada satu kaum pun yang merasakan buku sejarah baru itu berat sebelah kepada kaum tertentu sahaja.

"Apa yang lebih penting lagi, ia adalah bebas daripada putar belit politik. Fakta tetap fakta dan sejarah tidak boleh diubah," kata beliau pada sidang akhbar di London, dipetik Utusan Malaysia hari ini.

Pada 23 Oktober lalu, Kementerian Pelajaran memutuskan untuk menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran wajib lulus di peringkat peperiksaan SPM mulai 2013.

Ketika itu, Muhyiddin berkata syarat wajib lulus itu sama seperti mata pelajaran Bahasa Malaysia sebagai syarat untuk mendapat SPM.

Ahli Jawatankuasa Khas Mengkaji Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah Sekolah Menengah dilantik 3 Mei lalu.

Jawatankuasa berkenaan terdiri daripada beberapa pakar sejarah pelbagai kaum yang dilantik, akan memastikan kesaksamaan dalam komposisi pensejarahan kaum di negara ini.

Ia diketuai oleh Pengerusi Persatuan Sejarah Malaysia Datuk Omar Mohd Hashim manakala Dekan Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi Mara Datin Paduka Prof Dr Ramlah Adam pula timbalannya.

Jawatankuasa itu turut dianggotai Prof Emeritus Tan Sri Dr Khoo Kay Kim iaitu pakar sejarah Jabatan Sejarah Universiti Malaya (UM), Prof Emeritus Datuk Dr Nik Hassan Suhaimi Nik Abdul Rahman dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Dr Danny Wong Tze Ken dari

Jabatan Sejarah UM; Prof Dr Ranjit Singh dari Universiti Utara Malaysia, Ketua Jabatan Sejarah Universiti Malaysia Sabah Prof Madya Dr Ismail Ali, Penolong Prof Dr Shamrahayu Abdul Aziz dari Universiti Islam Antarabangsa, Timbalan Dekan Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak Dr Neilson Ilan Mersat dan Dr Benedict Topin dari Persatuan Kebudayaan Kadazandusun.

Subjek Sejarah akan mula diperkenalkan dalam SPM Ulangan mulai tahun 2014.

Format pentaksiran mata pelajaran Sejarah akan menggunakan sukatan pelajaran sedia ada bermula dari 2013 sehingga 2017.

Bermula SPM 2018, ia akan menggunakan sukatan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM).

Muhyiddin menambah, bagi tujuan ketelusan, pihaknya akan membuka kepada masyarakat untuk mengemukakan idea tentang mata pelajaran Sejarah di sekolah.

"Saya dapati langkah yang kita ambil ini bertepatan dengan perkembangan terkini iaitu perdebatan tentang sejarah itu berlaku dengan hangat," katanya.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/subjek-sejarah-laporan-diserah-hujung-tahun-kata-muhyiddin/>